

Dasar pelajaran agama sekolah di kaji semula

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Majlis Penasihat Hala-hal Pelajaran Agama yang dibentuk November lalu, akan bersidang Isnin ini bagi meninjau dan mengkaji semula dasar pelajaran agama di sekolah-sekolah.

Persidangan tersebut selaras dengan harapan Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) yang meminta Kerajaan membentuk sebuah jawatan khas untuk mengkaji masaalah keruntuhan moral, terutama di kalangan pelajar-pelajar.

Menteri Pelajaran, Mahathir Mohamad, berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Khas KGMMB me n g e -

KUALA LUMPUR, Sabtu

B. M. 12 JAN 1975

nal Kajian Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan di Sekolah Aminuddin Baki pagi ini.

Bellau memuji KGMMB itu kerana lanya memberi peluang kepada wakil-wakil negeri mengemukakan fikiran berguna supaya dapat memoranda yang akan diserahkan kepada Jawatankuasa Menteri mengenal Pelaksanaan Pelajaran Kebangsaan.

Menyesali

Dr. Mahathir menyesali sikap beberapa golongan yang berpendapat bahawa peraturan dan undang-undang sebagai penghalang kebebasan individu atau golongan tertentu.

Menurut bellau, terus membuat keputusan sendiri dengan mem-

belakangkan peraturan dan bertindak liar sesuka hati.

"Jika bertambah ramai membelakangkan Peraturan-peraturan hidup, sebuah negara bahagia tidak akan wujud," ujarnya.

Bellau menambah, pengabaian peraturan dalam sesebuah persatuan, hanya akan menimbulkan fikiran bercanggah dan akhirnya mengancam persatuan itu sendiri.

"Inilah sebabnya, kesatuan dan ahli patut berpegang kuat pada peraturan-peraturan kalau lanya hendak meningkatkan prestijnya.

"Guru sebagai pembentuk moral jenarasi akan datang dan pembentukan nilai hidup mereka, harus menegaskan kepada mereka nilai-nilai peraturan sebenarnya.

Memperotes

"Jika tidak ditegaskan begitu, bertambah ramailah individu dan golongan yang akan bertindak liar dan tidak bertanggungjawab," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, guru sebagai pemimpin juga harus menyampaikan bibit-bibit pengertian demokrasi kepada pelajar-pelajar.

"Dengan berlandaskan demokrasi, mereka punya peraturan untuk memprotes dan mengkritik tanpa mengancam negara.

Tetapi, baru-baru ini, ada golongan berpendapat, protes menerusi sa-

luran biasa dalam demokrasi tidak berkesan lantas memprotes menggunakan cara lain yang bertentangan dengan undang-undang.

"Kalau tindakan mereka berjaya dan golongan majoriti terpaksa tunduk di bawah telunjuk mereka, demokrasi sebenarnya tidak akan wujud," tambah bellau.

Bellau yakin, jika prinsip demokrasi tidak diamalkan oleh golongan minoriti, negara akan terus menjadi huruhara.

Berharap

Dr. Mahathir berharap, guru-guru terus mengamalkan demokrasi supaya mereka tetap dihormati rakyat kerana kejayaan mereka tanggungjawab kepada membentuk warganegara berdisiplin dan berdiamalkan oleh golongan tanggungjawab kepada negara.

Terdahulu dari itu, Yang Dipertua KGMMB, Haji Mohd. Kasim Harun berkata, falsafah perpaduan dan hubungannya dengan peranan sistem pelajaran, pengamalan berbagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah bukanlah satu cara positif dan lanya harus direntikan.

Ucapan bellau dibacakan oleh naibnya, Encik Nordin Haji Mahmud.

Mengenal struktur persekolahan, bellau mencadangkan seperti yang termuat dalam memoranda, memansuhkan peperiksaan SPC/LCE.

Kira-kira 50 guru menghadiri mesyuarat sehari itu.